

**Teks Ucapan Menteri Besar Johor Pada Pelancaran Pertubuhan Ihsan Johor
Pada 17 Ogos 2017 Di Hotel KSL Resort Johor Bahru, Johor.**

Asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Saya ingin mulakan dengan mengajak hadirin sekalian memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah SWT. Serta marilah kita memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad SAW.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Ihsan Johor atas jemputan pada hari ini. Saya amat menghargainya.
3. Dan saya menganggap acara pada hari ini sebagai penting dan sangat bermakna.
4. Ini kerana, dewasa ini, kita dapat melihat bahawa semangat dan amalan sukarelaan semakin pudar. Semakin suram dan tenggelam. Seolah-olah bangsa dan masyarakat kita ini sudah tidak prihatin, atau seperti tidak pernah diajar untuk memberi perhatian terhadap mereka di sekeliling kita.
5. Lihat sahaja masyarakat di sekeliling kita. Kesemuanya hidup *nafsi nafsi*.
6. Kita seakan hidup dan bergerak sendirian. Seperti sudah tidak dijalin erat oleh semangat kekitaan yang dahulunya mengikat dan menjadi citra masyarakat kita.
7. Perkara ini adalah sesuatu yang membimbangkan. Ia tidak seharusnya dibiarkan berterusan.
8. Jadi, kepentingan semangat dan amalan sukarelawan ini, khususnya di kalangan belia, mesti kita disuburkan kembali. Dengan pelbagai cara dan pendekatan. Dan kita mesti melakukannya bersama-sama.
9. Hari ini, saya ingin menyentuh 3 alasan ringkas, mengapa pergerakan sukarelaan seperti Ihsan Johor ini amat penting untuk Johor.

10. **Pertama, melakukan kebaikan adalah citra bangsa yang berkemajuan.**
11. Masyarakat dan anak muda kita mesti diajar menjadi agen yang peka dalam meneliti isu sosial di sekitar mereka, dan seterusnya tergerak untuk menyelesaikannya.
12. Persoalannya, bagaimanakah untuk kita menyemarakkan kesedaran ini? Dan apakah jalan yang terbaik?
13. Saya percaya, antara inisiatif terbaik adalah dengan mempelbagaikan gerakan dan pertubuhan sivil seperti Ihsan Johor ini.
14. Ini kerana, pertubuhan seperti ini akan mampu memberi satu mesej besar kepada masyarakat bahawa kita ini punya tanggungjawab kepada masyarakat. Kita ini punya peranan yang harus dimainkan dalam membantu menyelesaikan sebarang masalah dan isu yang didepani oleh orang di sekeliling.
15. Kerana, tidak ada masyarakat atau mana-mana negeri yang mempunyai kesejahteraan hidup yang baik jika anggotanya saling bersikap individualistik.
16. Jadi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaanlah yang harus membantu kita. Membantu kita untuk menyedarkan seramai mungkin masyarakat di luar sana tentang fungsi sosial mereka. Fungsi yang melangkaui kitaran hidup peribadi dan kerjaya.
17. Kerana, biar setinggi mana pun kejayaan dan kedudukan kita, akhirnya, erti sebenar kehidupan kita adalah pada sejauh manakah kita memberi semula kepada masyarakat.
18. Jika kita lihat ada kekurangan di mana-mana dalam masyarakat kita, kita mesti bingkas, kita mesti cerdas. Bangun dan bantu mereka. Bukannya bungkam, bukannya diam dan bukannya pendam.
19. Dan yang lebih penting, masyarakat kita perlu dipimpin untuk mempercayai bahawa melakukan kebaikan itu, adalah ciri-ciri bangsa yang mempunyai kemajuan pemikiran.

20. Biar kita di Johor ini terkenal sebagai masyarakat moden dan maju, namun ringan tangan, ringan tulang. Suka membantu. Penuh dan sarat dengan rasa empati dan prihatin terhadap masyarakat.
21. **Kedua, erti hidup adalah pada memberi dan setiap pemberian itu bermakna.**
22. Bila kita bercakap tentang kesukarelaan, salah tanggapan yang sering dibangkitkan adalah, ia mesti besar, meriah, ramai dan berskala mega.
23. Persepsi ini nyata terpesong dan perlu kita ubah segera. Sebenarnya, dalam kerja-kerja kesukarelaan, saiz tidak pernah menjadi isu. Kecil atau besar inisiatif kita, selagi ikhtiar tersebut menjurus kepada penambahbaikan golongan sasaran, ia adalah mustahak dan bermakna.
24. Pergerakan seperti Ihsan Johor mesti menjadi golongan paling terkehadapan untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa setiap sumbangan, setiap pertolongan dan setiap pemberian kepada masyarakat adalah bernilai dan bermakna.
25. Jadi selepas ini, saya harap, dengan melihat kesungguhan Ihsan Johor ini, masyarakat kita khususnya golongan belia yang lain akan lebih terdorong untuk melakukan lebih banyak kerja-kerja amal kepada masyarakat.
26. Tidak kiralah apa pun bentuknya, besar atau kecil usahanya. Kerana sesungguhnya, setiap pemberian kita kepada mereka yang berada dalam lingkungan kita adalah bermakna.
27. **Ketiga, kita mahu menyampaikan mesej kepada semua orang, bahawa masalah mana-mana anggota dalam masyarakat kita adalah masalah kita.**
28. Sebenarnya masih terlalu ramai di luar sana yang memerlukan kita.
29. Mereka terjatuh dalam hidup bukan kerana mereka terlepas dan terputus daripada kasih sayang Tuhan.
30. Tetapi takdir mereka yang kurang baik itu sebenarnya adalah satu peringatan dari Tuhan kepada kita yang berkelebihan. Lebih harta benda, lebih tenaga kudrat, lebih dengan limpahan peluang untuk berbakti.

31. Saya selalu percaya, apabila ada segelintir masyarakat kita yang ditimpa masalah atau musibah, kita yang bernasib baik inilah yang sebenarnya sedang diuji. Integriti dan rasa keinsanan kita yang sedang dihakimi Tuhan.
32. Sama ada kita akan memilih untuk menjadi tangan yang menghulurkan bantuan untuk meringankan beban orang lain. Atau sekadar tangan yang hanya memeluk tubuh, yang pegun tanpa belas dan rasa ihsan untuk membantu.
33. Pada saya, malulah kalau belia dan anak-anak muda kita di luar sana, yang sihat dan kuat memilih untuk sekadar hidup dan menjadi tua tanpa meninggalkan apa-apa bakti kepada masyarakat.
34. Ia adalah tragedi terbesar dalam masyarakat dan bangsa kita. Kerana, seperti kata pendeta HAMKA, kalau hidup sekadar hidup, kera di hutan juga hidup.
35. Jadi, marilah kita keluar dari kepompong keselesaan. Bantulah seramai mungkin anggota masyarakat.

Hadirin-hadirat yang saya muliakan,

36. Sebenarnya, kesukarelawanan bukanlah sesuatu yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kerana, tugas Kerajaan Negeri adalah sekadar untuk memastikan masyarakat berfungsi dengan baik.
37. Akan tetapi, kita tetap memberikan fokus yang besar kepada perkara ini.
38. Matlamatnya mudah. Kita mahu kesukarelawanan ini menjadi sesuatu yang besar dan dibudayakan di Johor. Bukan sekadar sesuatu yang dilakukan secara semberono dan bermusim.
39. Biar ia menjadi gaya hidup, biar ia menjadi sesuatu yang *cool* untuk anak-anak muda kita dan semua pihak.
40. Semua pihak di Johor mesti memikirkan apakah kebaikan manusiawi yang boleh mereka sumbangkan ke masyarakat dan kepada negeri Johor. Semua pihak mesti tampil ke hadapan dan menyumbang.

41. Kita mahu Johor menjadi negeri yang dipacu dan digerakkan oleh masyarakatnya dan bukan bergantung sepenuhnya kepada kerajaan. *A state driven by society.*
42. Dan yang lebih penting, kita mahu Johor menjadi sebuah negeri yang dicirikan oleh sistem nilai yang baik. Negeri yang berdiri atas ketinggian akal budi. Negeri yang makmur dengan kebaikan dan kesejahteraan.
43. Untuk itu, pada tahun hadapan, kita akan memperkenalkan satu lagi agenda besar. Iaitu, *a year of giving*. Kita akan memastikan Johor dan masyarakatnya subur dengan kemurahan hati dan sumbangan dari semua pihak kepada mereka yang memerlukan.
44. Bagi terus menyemarakkan aktiviti dan semangat kesukarelawanan seperti ini, dan sebagai tanda sokongan padu serta tanda terima kasih di pihak Kerajaan Negeri atas usaha yang besar dan murni ini, saya dengan ini berbesar hati mengumumkan sumbangan Kerajaan Negeri sebanyak RM0.5 juta kepada Pertubuhan Ihsan Johor.
45. Semoga sumbangan ini akan membantu melancarkan perjalanan dan operasi Ihsan Johor.
46. Dan saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua penaja dan para pemberi sumbangan.
47. Akhir sekali, saya mengucapkan selamat maju jaya buat anda semua di Pertubuhan Ihsan Johor.
48. Dan dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya dengan ini merasmikan pelancaran Pertubuhan Ihsan Johor.
49. Sekian terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh